

**PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN
PRINSIP PERAKAUNAN
TINGKATAN 4**

NAMA : _____

KELAS : _____

BAHAGIAN A

1. Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan subbidang perakaunan.

Melibatkan kerja-kerja pengawalan, perancangan dan menyediakan maklumat untuk pengguna dalaman

Apakah subbidang tersebut?

- A Perakaunan pengurusan
 - B Perakaunan kewangan
 - C Pengauditan
 - D Percukaian
2. Apakah yang dimaksudkan dengan 'liabiliti tidak terhad'?
- A Perniagaan mendapat pembiayaan bank tanpa had.
 - B Perniagaan mempunyai kapasiti hutang yang besar.
 - C Pemilik diberikan kepercayaan untuk mendapatkan pinjaman daripada pihak ketiga
 - D Pemilik membayar hutang dengan aset peribadi jika aset perniagaan tidak mencukupi
3. Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Timah Desa Enterprise menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	121 800
Liabiliti	33 500

Berapakah modal awal perniagaan sekiranya Timah Desa Enterprise mendapat keuntungan sebanyak RM6 800?

- A RM6 800
 - B RM81 500
 - C RM88 300
 - D RM95 100
4. Pilih padanan yang sesuai.

	Nama Akaun	Jenis Akaun
I	Gaji	Belanja
II	Dividen	Hasil
III	Faedah atas pinjaman	Liabiliti
IV	Faedah atas simpanan	Aset

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

5. Pada akhir tempoh perakaunan, buku perniagaan Timah Desa Enterprise menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	121 800
Liabiliti	33 500

Berapakah modal awal perniagaan sekiranya Timah Desa Enterprise mendapat keuntungan sebanyak RM6 800?

- A RM6 800
 B RM81 500
 C RM88 300
 D RM95 100
6. Urus niaga berikut diambil daripada Kedai Runcit Ramasamy:

Muthusamy memulangkan barang niaga yang rosak bernilai RM220

Apakah dokumen sumber yang terlibat?

- A Invois
 B Bil Tunai
 C Nota Debit
 D Nota Kredit
7. Pernyataan manakah yang menerangkan urus niaga di bawah?

ASAL	3451			
INVOIS Aiman Trading Lot. 22, Jalan Yahaya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu				
Tarikh: 11 Julai 2019				
Kepada: Kedai Kasut Raes 8 Jalan Kenanga 23000 Dungun, Terengganu				
Bil	Butir	Kuantiti	Harga seunit	Jumlah
1	Kusut Cocco	20	RM 50	RM 1 000
Tolak: Diskaun niaga				100
Jumlah				900
Ringgit Malaysia: Seribu Seratus Sahaja Syarat: 5% 10 hari, 2% 30 hari K & K di K Ikhwan Penerima				
				Aiman Pengurus

- A Aiman Trading menjual kasut kepada Kedai Kasut Raes secara tunai
 B Kedai Kasut Raes menjual kasut kepada Aiman Trading secara tunai
 C Aiman Trading menjual kasut kepada Kedai Kasut Raes secara kredit
 D Kedai Kasut Raes menjual kasut kepada Aiman Trading secara kredit

8. Antara berikut yang manakah akan direkodkan dalam Jurnal Am Kedai Elektrik Ali?

- I Pemilik membawa masuk tunai tambahan ke dalam perniagaan
- II Ambilan alat pendingin hawa untuk kegunaan kediaman pemilik
- III Jualan peti sejuk secara kredit
- IV Diskaun diberi dibatalkan

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

9. Sistem Panjar digunakan dalam penyediaan

- A Jurnal Am
- B Jurnal Khas
- C Buku Tunai
- D Buku Tunai Runcit

10. Maklumat berikut diperolehi daripada Buku Tunai Runcit Perniagaan Rose:

2019		RM
Mac 1	Jumlah penerimaan	350
Mac 31	Jumlah pembayaran	225
Mac 31	Baki akhir	125

Berapakah jumlah wang yang perlu dituntut daripada Ketua Juruwang mengikut Sistem Panjar?

- A RM125
- B RM225
- C RM350
- D RM475

BAHAGIAN B

1. (a) Nyatakan andalan dan prinsip dalam perakaunan bagi setiap situasi berikut:

- (i) Encik Ramdi menggunakan kaedah pengiraan susut nilai yang sama setiap tahun dalam perniagaannya.

- (ii) Puan Suhaila mengambil barang niaga RM200 untuk kegunaan anaknya. Perkara ini telah direkodkan dalam Akaun Ambilan.

2. Nyatakan klasifikasi akaun yang betul sama ada Aset, Liabiliti, Ekuiti Pemilik, Hasil atau Belanja bagi item-item berikut:

Item	Klasifikasi Akaun
Alat tulis	
Inventori Alat tulis	

3. Nyatakan dua sub bidang perakaunan.

(i)	
(ii)	

4. Nyatakan satu akaun bagi setiap komponen berikut:

Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Komponen	Akaun
	Jualan bersih	
	Kos jualan	
	Hasil	
	Belanja	

BAHAGIAN C

1. Nasarudin adalah pemilik Perniagaan Nasa di Bukit Keteri, Perlis. Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan beliau pada 31 Julai 2019.

	RM
Kenderaan	98 000
Alatan Pejabat	12 500
Akaun Belum Terima	9 950
Inventori	7 300
Bank	6 100
Modal	105 450
Akaun Belum Bayar	8 400
Pinjaman	20 000

Perkara-perkara berikut telah berlaku sepanjang bulan Julai 2019 :

- Julai 2 Menjual barang niaga berkos RM2 000 secara kredit pada harga RM2 400.
- 5 Pemilik mengambil barang niaga bernilai RM300 dan cek sebanyak RM500 untuk kegunaan keluarga.
- 6 Membeli barang niaga bernilai RM2 200 dan menjelaskan bayaran dengan cek
- 7 Sekeping cek bernilai RM 3 000 daripada Akaun Belum Terima telah ditanda sebagai cek tak laku
- 11 Memulangkan barang yang rosak sebanyak RM300 kepada Akaun Belum Bayar.
- 12 Bayar sewa kedai RM1 250 dengan cek.
- 17 Menerima cek yang bernilai RM2 500 daripada Akaun Belum Terima dan memberi diskaun RM250.
- 23 Membayar kepada pembekal sebanyak RM3 500 dengan cek. Terima diskaun RM350.
- 25 Pemilik membawa masuk komputer ke dalam perniagaan bernilai RM1 500 sebagai untuk kegunaan perniagaan
- 31 Membayar gaji pekerja berjumlah RM2 000 dengan cek.

Anda dikehendaki menyediakan :

- (a) Jadual persamaan perakaunan yang telah disediakan (Lampiran A) [15 markah]
- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Julai 2019. [5 markah]

Arahan : Soalan Bahagian C sila jawab pada kertas jawapan yang dilampirkan